



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

SELAMATKAN AL-AQSA

TERBITAN : JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Tarikh Dibaca :

**29 REJAB 1440H/
5 APRIL 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah Dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



SELAMATKAN AL-AQSA

5 April 2019M / 29 Rejab 1440H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَسْرَى بِعِبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى وَعَرَجَ بِهِ إِلَى السَّمَاوَاتِ الْعُلَى وَرَأَى مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكَبِيرِ فَنَالَ فَضْلًا كَثِيرًا وَخَيْرًا كَثِيرًا. وَأَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، مَا سَأَلَهُ سَائِلٌ نَفَابَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ خَيْرٌ مِنْ صَلَّى وَصَامَ وَاسْتَغْفَرَ وَأَنَابَ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا وَنَبِيِّنَا وَقُدُوْتِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَزْوَاجِهِ وَآلِهِ وَإِخْوَانِهِ الْأَصْحَابِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الْحِسَابِ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَيْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُكُمْ حَقٌّ تُقْنَىٰهُ، وَلَا تَمُونُ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah ﷺ dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat serta mendapat perlindungan Allah ﷺ demi mencari keredhaan-Nya di dunia mahu pun di akhirat. Pada hari yang penuh keberkatan ini, khatib akan membicarakan khutbah bertajuk “Selamatkan Al-Aqsa” sebagai usaha mengajak sidang



Jumaat dan seluruh umat Islam untuk menyatakan solidariti bersama-sama dalam mempertahankan Baitul Maqdis dan Masjid Al-Aqsa.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Pada hari yang mulia ini, mimbar ingin menarik perhatian kita semua mengenai penderitaan rakyat Palestin. Pada masa ini wilayah Palestin semakin dihimpit, penduduknya saban hari ditindas dan dizalimi. Umat Islam Palestin semakin terhimpit dan terhapus di bumi Palestin. Tahun lepas genap tahun ke-70, sejak penubuhan negara haram Israel di bumi Palestin. Semenjak itu beribu-ribu orang Palestin telah terkorban dan tercedera.

Kerakusan Zionis Yahudi dalam merampas Bumi Palestin daripada orang Islam kelihatan amat jelas apabila kekejaman dan keganasan Israel ke atas Palestin sejak abad ke-20 dan hingga kini, semakin meningkat hari demi hari. Sifat keji Bani Israel ini dinyatakan oleh Allah ﷺ dalam surah al-Maidah ayat 78:

﴿لَعْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاؤَدَ وَعِيسَى أَبْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ﴾

Maksudnya: “Orang kafir Yahudi dari Bani Israel telah dilaknat (di dalam Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan menceroboh.”

Profesor Dr. Muhammad Sayyid Tantawi, Mantan Syeikh al-Azhar telah menggambarkan sifat keji bangsa Yahudi ini melalui bukunya “*Banu Israel fi al-Quran wa as-Sunnah*”, bahawa Israel sebagai bangsa penjenayah kejam yang tidak membezakan orang tua, wanita, kanak-kanak, masjid, rumah ibadat, tempat awam dan sebagainya. Israel juga terkenal sebagai bangsa penjenayah yang kuat memusuhi Islam dan Arab. Golongan ini bukan sekadar ingin menguasai Palestin, malah Jordan,



Syria, Lebanon, Iraq, semenanjung Sinai dan termasuklah Madinatul Munawwarah.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Masjid Al-Aqsa merupakan masjid yang menjadi kiblat pertama umat Islam, dan kini kedudukan masjid itu dalam keadaan yang amat membimbangkan rentetan daripada pembinaan terowong-terowong di bawah tanah kawasan masjid oleh rejim Zionis menyebabkan kerosakan pada bangunan masjid yang semakin hari semakin parah.

Selain itu, kita amat kesal atas sikap biadap dan tidak bertanggungjawab sesetengah negara yang menyokong jenayah keganasan yang dilakukan oleh rejim Zionis ini. Sikap negara-negara kuasa besar ini berdiam diri dalam isu melibatkan kepentingan Islam dan umat Islam. Namun mereka bertindak pro-aktif dalam isu-isu yang menyentuh kepentingan masyarakat yang bukan Islam. Ia secara langsung membuka peluang yang besar bagi musuh-musuh Islam untuk terus menceroboh dan mencabul kesucian Islam

Sebagai umat Islam, kita tidak perlu bergantung kepada simpati dan bantuan golongan yang memusuhi Islam. Kerana Allah ﷺ telah memberikan peringatan bahawa golongan ini tidak sekali-kali akan melindungi Islam dan umatnya melainkan mereka dijadikan sanjungan dan pujaan. Firman Allah ﷺ menerusi surah al-Baqarah ayat 120:

﴿ وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَبْيَغَ مِلَّتُهُمْ قُلْ إِنَّمَا هُدًى اللَّهِ هُوَ الْمُهَدِّىٰ وَلَئِنْ أَتَبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴾

Maksudnya: “Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau



menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam) itulah petunjuk yang benar". Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepadamu"

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Islam sebagai agama rahmah amat mementingkan ikatan persaudaraan. Walaupun tiada pertalian darah, hubungan persaudaraan itu amat kuat apabila diikat dengan ikatan agama (Islam). Islam melarang keras sebarang bentuk kezaliman dan membiarkan muslim yang lain dizalimi. Sabda Rasulullah ﷺ seperti diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim:

"عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ وَمَنْ فَرَجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ سَرَّ مُسْلِمًا سَرَّهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ"

Mafhumnya: Daripada 'Abdullah bin 'Umar RA berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim (yang lain), dia tidak boleh menganiaya dan tidak akan dianiaya oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan hajat (membantu) saudaranya, maka Allah ﷺ akan melaksanakan (membantu) hajatnya. Sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang Muslim, maka Allah ﷺ akan melapangkan kesukarannya pada hari kiamat. Sesiapa yang menutup aib seseorang Muslim, maka Allah ﷺ akan menutup aibnya pada hari kiamat."

Kita bukan sahaja wajib membela dan meringankan penderitaan saudara kita di Palestin, tetapi kita sebagai umat Islam juga wajib turut



sama mempertahankan kesucian Baitul Maqdis kerana ia adalah kiblat pertama dalam syiar agama kita. Baitul Maqdis juga adalah tempat berlakunya Israk dan Mikraj, ia juga merupakan masjid kedua dibina di bumi ini dan ia juga tempat yang diberkati dan dilipatgandakan pahala serta diampunkan dosa.

Oleh itu, mimbar menyeru kepada seluruh umat Islam dan rakyat Malaysia, marilah kita membantu meringankan penderitaan saudara kita di Palestin dengan bersama-sama mengambil tindakan berikut:

Pertama: Menyalurkan bantuan ekonomi dan kewangan kepada rakyat Palestin yang sedang menderita melalui badan-badan diiktiraf oleh kerajaan.

Kedua: Memperkasa penggunaan perkhidmatan dan produk keluaran orang Islam dan pengusaha tempatan serta mengelakkan segala perkhidmatan dan barang keluaran negara berkenaan.

Ketiga: Menginsafi akan bahaya perpecahan dan perlunya tindakan segera dalam menyatupadukan ummah dalam kalangan negara Islam seluruh dunia bermula di negara kita; dan

Keempat: Memastikan bahawa penjenayah perang tehadap Palestin dibawa ke muka pengadilan dan dikenakan hukuman setimpal.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar mengajak seluruh umat Islam, marilah kita bersama-sama bertindak untuk turut berperanan dalam isu Palestin. Marilah kita membela dan membantu saudara-saudara kita di sana dengan segala kemampuan yang ada. Hendaklah kita sentiasa



mendoakan keselamatan dan kesejahteraan rakyat Palestin khususnya dan umat Islam seluruhnya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
 (وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ أَمْنَوْا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لِيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا أَسْتَخْلَفَ
 الَّذِينَ كَانُوكُمْ تَبْغِيَّهُمُ الَّذِي أَرْضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا)

Maksudnya : “Allah menjanjikan orang yang beriman dan beramal salih dalam kalangan kamu, bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah yang memegang kuasa di bumi, sebagaimana Ia menjadikan orang yang sebelum mereka; dan Ia akan menguatkan agama mereka (Islam) yang telah diredhai-Nya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan dari ancaman musuh”

(Surah al-Nur : ayat 55)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالدِّكْرِ
 الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
 اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
 وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلِي الصَّالِحِينَ وَنَاصِرِ الْمَظْلُومِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ الْأَمِينِ، صَفَوَةِ الْمُرْسَلِينَ وَأَمَامِ الْمُتَقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى التَّابِعِينَ وَمَن تَبَعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَن سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَدُودُ الْأَمِينُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَحَافِظُوا عَلَى صَلَاتِ الْجَمَاعَةِ، وَكُونُوا إِخْوَانًا مُتَحَايِّبِينَ فِي اللّٰهِ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ يَأْمِرُ بِمَا يُرِيدُ فِيهِ بِنَفْسِهِ، وَنَهِيًّا بِمَا لَا يَكِيْهِ الْمُسِيْحَةِ بِقُدْسِهِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالَى فِي مُحَكَّمٍ تَنْزِيلِهِ:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَمِّلُهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوٰتُهُمْ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.

وَارْضُ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ : أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ ، وَارْضُ اللّٰهُمَّ عَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَمَن تَبِعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعْهُمْ بِنِنِكَ وَكَرْمَكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ .



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُغْمِي مَهَا مُولِيَا
 سَرِيْ قُدوَّكَ بِكِينِدا يُغْمِي دُقْرُتوانَ اكْنُوغُ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
 بِاللَّهِ شَاهُ ابْنِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُغْمِي مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قُدوَّكَ بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَايِسُورِيِّ اكْنُوغُ،
 تُونِوكُو(Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةِ أَمِينَةِ مِيمُونَةِ إِسْكَنْدَرِيَّةِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى
 اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّارَاهُ وَقُضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
 وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ
 مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَلِفْ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَنَا، وَاهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ، وَنَجِنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ
 إِلَى النُّورِ، وَجَنِبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا،
 وَقُلُوبِنَا، وَأَزْوَاجِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَابُ الرَّحِيمُ، وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ
 لِنَعْمَكَ، مُثْنِينَ بِهَا عَلَيْكَ، قَابِلِينَ لَهَا وَأَتْمَّهَا عَلَيْنَا. رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
 حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَنَهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ

٩٠

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.